

# Kehadiran PM rasmi PBAKL hidup kembali industri buku

BH - 3/6/2022 w/s: 2/

Sokongan kerajaan wujudkan budaya membaca, angkat bahasa Melayu

Oleh Nas Norziela Nasbah  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kehadiran Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob merasmikan Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2022 yang berlangsung hari ini hingga 12 Jun ini membuka jalan dan ruang menghidupkan kembali industri buku melalui peranan serta sokongan kerajaan.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM), Sakri Abdullah, berkata selepas 39 tahun penganjuran PBAKL, ia bukan sahaja mewu-

judkan budaya membaca dan ke-cintaan terhadap buku tetapi mengangkat bahasa terutama bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.

“Melalui PBAKL 2022, pelbagai aktiviti dijalankan termasuk program secara bersemuka dan secara dalam talian.

“Ia dilaksanakan secara lebih konsisten melalui aktiviti ‘on ground’ membabitkan penulis, pembaca, penjual buku, penggiat industri dan seluruh masyarakat,” katanya.

PBAKL 2022 yang bermula hari ini diadakan di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL) membabitkan 170 pempamer tempatan, 120 pempamer antarabangsa dan 560 reruai.

Pesta buku itu dianjurkan Majlis Buku Kebangsaan Malaysia, Kementerian Pendidikan (KPM) dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM); Perbadanan Kota Buku; Persatuan Penerbit Buku Malaysia, Persatuan Pengeksport dan Pengimport Buku Malaysia.



“Ia dilaksanakan secara lebih konsisten melalui aktiviti ‘on ground’ membabitkan penulis, pembaca, penjual buku, penggiat industri dan seluruh masyarakat”

**Sakri Abdullah,**  
Pengarah Urusan dan Ketua  
Pegawai Eksekutif ITBM

Turut menganjurkan ialah Peratuan Penjual Buku Malaysia, Persatuan Kontraktor Buku Malaysia; Persatuan Penerbit dan Penedar Buku Bumiputera Malaysia; Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia; Majlis Pengarah-Pengarah Perpustakaan Awam Se-Malaysia dan Persatuan Pustakawan Malaysia.

Mengulas lanjut, Sakri berkata, ITBM tampil dengan kelainan berkonsepkan gudang buku yang dijenamakan sebagai Gudang #BerbaloiBeli@ITBM sepanjang PBAKL 2022.

Katanya, Gudang #BerbaloiBe-

li@ITBM menjanjikan ganjaran hadiah keseluruhan sehingga RM100,000 dengan pembelian serendah RM50 melalui tawaran potongan harga yang murah dan berbaloi untuk orang ramai.

“Tawaran potongan harga daripada 50 peratus hingga 80 peratus disediakan mengikut pakej disediakan termasuk pembelian secara dalam talian,” katanya.

Beliau berkata, selain penjualan buku, Gudang #BerbaloiBeli@ITBM juga akan dimeriahkan dengan pengisian program intelektual aktiviti santai sesuai untuk semua peringkat umur.

Katanya, acara wajib ITBM setiap kali penganjuran PBAKL, iaitu sesi Wawancara Sofa Putih ITBM akan kembali dengan pelbagai topik perbincangan menampilkan tokoh terkemuka daripada pelbagai bidang seperti terjemahan, penerbitan, bahasa, kesusasteraan dan perbukuan serta seni budaya dan keilmuan.

“Antara aktiviti santai lain yang menjadi pengisian di Gudang #BerbaloiBeli@ITBM adalah Peraduan ‘Meh sini bercerita bersama Maklong, Pantun sana sini bersama Encheloh Rajadewa dan Apa Itu Interpretasi’

“Buat julung kalinya juga, Gudang #BerbaloiBeli@ITBM akan menjadi Pusat Sehenti bagi ITBM yang menyediakan khidmat terjemahan, kejurubahasaan, latihan, pembangunan kerjaya penterjemah dan penerbitan buku.

“ITBM menawarkan konsultasi bagi khidmat latihan, teknologi dalam penterjemahan, kerjaya dalam bidang terjemahan, penerbitan buku dan lain-lain berkaitan dengan khidmat disediakan,” katanya.